

Headline	BHPetrol perkenal program subsidi petrol		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	03 Jun 2014	Circulation	40,000
Section	Bisnes	Readership	120,000
Page No	56	ArticleSize	217 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 3,301
Journalist	N/A	PR Value	RM 9,902
Frequency	Daily		



Pemegang Amanah Yayasan MyKasih, Datuk Badlisham Ghazali (tiga, kiri) dan Tan (kiri) bersama penerima subsidi minyak MyKasih di stesen BHPetrol, semalam.

## BHPetrol perkenal program subsidi petrol

**BOUSTEAD** Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol) bersama Yayasan MyKasih memperkenalkan program perintis subsidi minyak di stesen BHPetrol di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya.

Pengarah Urusan BHPetrol KT Tan berkata, syarikat itu berharap program tersebut akan mendapat sambutan dan merancang untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti seumpama itu.

Di bawah program tersebut, BHPetrol akan menyumbangkan RM20 setiap bulan bagi pembelian minyak petrol motosikal di stesen BHPetrol di Kampung Sungai

Kayu Ara kepada 40 keluarga di bawah Program MyKasih.

Bantuan itu akan diberikan selama 12 bulan bermula semalam.

"Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Yayasan MyKasih yang menjadi sebahagian program tanggungjawab korporat syarikat.

"Ini antara cara untuk membantu golongan kurang berkemampuan menghadapi kos sara hidup tinggi. Sekiranya program perintis ini mendapat sambutan, kami akan mengembangkannya ke stesen-stesen lain pada masa akan datang," kata Tan.

Sementara itu, Tan berkata,

BHPetrol menyiarkan untuk membuka 10 hingga 15 stesen minyak di seluruh Semenanjung Malaysia sepanjang tahun ini.

Menurutnya, setiap tahun syarikat itu akan membuka sekurang-kurangnya 15 cawangan dengan nilai pelaburan RM50 juta.

Bagaimanapun, Tan berkata BHPetrol belum merancang untuk membuka cawangan di Sabah dan Sarawak dalam tempoh terdekat.

BHPetrol yang memulakan operasi di Malaysia pada 2005 mempunyai 350 stesen minyak dan hampir 200 kedai serbaneka BHPetrol di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga kini.